

Persatuan Pelajar Laksana Program Kemasyarakatan di Ho Chi Minh

Published: Thursday, 11 June 2015 16:16 | [Print](#) | Hits: 1019

Share 0

Recommend Share 0

Tweet

Share [G+](#) Share 0



KHAMIS, 11 JUN – Seramai 23 ahli Persatuan Pelajar Pusat Pengajian Pascasiswazah dan kakitangan Pusat Islam Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengadakan program khidmat masyarakat di Ho Chi Minh, Vietnam, baru-baru ini.

Timbalan Dekan (Kebajikan Pelajar) Pusat Pengajian Pascasiswazah, Prof. Madya Dr. Amran Hj. Harun berkata, beberapa tempat dipilih sebagai lokasi program kemasyarakatan tersebut, antaranya Masjid Al An War, Madrasah An Nur dan Madrasah As Salam.

“Pada program itu kita juga mengadakan beberapa aktiviti termasuk pengagihan barang keperluan dan juga sumbangan kewangan kepada komuniti di lokasi berkenaan,” katanya yang mewakili rombongan UMS menyampaikan sumbangan tersebut.

Menurut beliau, program itu antara lain bertujuan meningkatkan hubungan silaturahim serta ikatan persaudaraan sesama Islam.

“Program berakhir dengan lawatan ke tempat bersejarah di Chu Tunnel di daerah Vietnam,” ujarnya lagi.

Turut mengiringi rombongan ialah Penolong Pendaftar Pusat Pengajian Pascasiswazah, Elizabeth Malanjan dan Mohd. Nazrie Petir dari Pusat Islam UMS. –SM

Bahagian Media dan Citra

Sumber: Pusat Pengajian Pascasiswazah